




**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**23 Julai 2021  
13 Zulhijjah 1442h**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
<b>Utusan Malaysia</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Tukar ikan dengan sayur bantu penduduk</li><li>• Tuntut kerugian RM200 sehari</li></ul>
<b>Berita Harian</b>	
<b>Harian Metro</b>	
<b>Kosmo !</b>	
<b>Sinar Harian</b>	
<b>The Star</b>	
<b>New Straits Time</b>	
<b>Nanyang Siang Pau</b>	
<b>Malaysia Gazette</b>	
<b>Harakah</b>	
<b>Malaysia Dateline</b>	
<b>Bernama</b>	
<b>See Hua Daily News (Kuching)</b>	
<b>Guan Ming Daily</b>	
<b>Sin Chew Daily</b>	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY	11	23/07/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		



SUKARELAWAN membungkus sayur yang tiba dari Cameron Highlands untuk diagihkan kepada penduduk di sekitar Lumut baru-baru ini. - UTUSAN/IHSAN PUSAT KHIDMAT AHLI PARLIMEN LUMUT

## Tukar ikan dengan sayur bantu penduduk

Oleh SAYED HESHAM IDRIS  
utusannews@mediamulia.com.my

**IPOH:** Pusat Khidmat Ahli Parlimen Lumut menggunakan kaedah *barter trade* atau pertukaran barang bagi membantu penduduk dengan cara menukar ikan di Pulau Pangkor dengan sayur pekebun di Cameron Highlands baru-baru ini.

Pengarah Komunikasi Pemuda Amanah Perak, Mohd Ikhmal Mohd. Iskandar berkata, menerusi cara itu, pusat khidmat berkenaan menghantar 200 kilogram pelbagai jenis ikan kepada para pekebun sayur di Cameron Highlands.

Menurutnya, sebagai pertukaran, mereka membawa pulang 2,000 kilogram sayur

daripada pekebun di tanah tinggi itu yang kemudian diajukan kepada penduduk terutama nelayan dan pekebun di kawasan Parlimen Lumut.

"Idea tukar barang ini dilaksanakan sejak tahun lalu selepas melihat Pangkor kaya dengan sumber ikan."

"Caranya relevan ketika kuasa beli pengguna mula menyusut akibat pandemik Covid-19 yang sudah berlarutan lebih dua tahun," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, kaedah *barter trade* mendapat reaksi positif daripada pekebun sayur di Cameron Highlands, apatah lagi ketika perintah kawalan pergerakan (PKP) menyebabkan barang keperluan harian

terhad di kawasan tanah tinggi itu.

Katanya, selain sayur, ikan juga ditukarkan dengan strawberi.

"Pekebun sayur di Cameron Highlands jelas gembira dengan cara ini kerana mereka sememangnya mahukan ikan, apatah lagi ketika PKP bekalan ikan terhad di tanah tinggi itu. Dengan cara ini, kami tidak perlu mengeluarkan kos, cuma hanya kos pengangkutan," katanya.

Mohd. Ikhmal berkata, program itu merupakan antara program tanggungjawab sosial korporat (CSR) antara Pusat Khidmat Ahli Parlimen Lumut, Dr. Hatta Ramli dan pekebun sayur di Cameron Highlands.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY	24	23/07/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

# Tuntut kerugian RM200 sehari

Oleh MUHAMMAD ZIKRI  
utusannews@mediamulia.com.my

**PONTIAN:** Komuniti nelayan di Pangkalan Nelayan Sungai Chengkeh, Serkat, di sini akan menuntut kerugian berjumlah RM200 sehari jika laluan keluar masuk mereka terhalang disebabkan kerja-kerja pembinaan jambatan di kawasan tersebut.

Pengerusi Pangkalan Nelayan Sungai Chengkeh, Ismail Johar, 60, berkata, pihaknya merujuk kepada surat yang telah dihantar kepada pemaju pada Jun lalu, namun sehingga kini tiada sebarang maklum balas diterima.

Katanya, apabila kerja-kerja penanaman cerucuk dan penambakan pasir dijalankan kelak, akan berlaku beberapa masalah kepada nelayan seperti halangan keluar masuk dari pangkalan dan sebaliknya.

"Kami tidak menghalang pembangunan di kawasan itu, namun, pemaju perlu mengambil kira nasib penduduk yang masih menjadikan kerja-kerja sebagai nelayan sebagai mata pencarian utama mereka."

"Kami berharap dapat diberikan peluang menyuarakan pandangan bagi memastikan sesuatu projek yang akan dilaksanakan kelak tidak menjaskan masa depan penduduk

**KERJA-KERJA PEMBINAAN JAMBATAN YANG DIDAKWA BOLEH MERJEJASKAN PENDAPATAN NELAYAN JIKA LALUAN KELUAR MASUK MEREKA KE LAUT TERHALANG DI SUNGAI CHENGKEH, SERKAT, DI PONTIAN, JOHOR.**



yang berhampiran," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Pada 17 Jun lalu, akhbar ini melaporkan kerja-kerja pembinaan jambatan itu meresahkan kira-kira 60 nelayan dari tiga pangkalan yang khawatir boleh menjaskan hasil tangkapan harian mereka.

Mereka mendakwa tidak dimaklumkan mengenai pembinaan jambatan tersebut yang akan menyebabkan laluan keluar ke laut menjadi semakin cetek selain bimbang apabila air menjadi kotor dan tercemar.

Tambah Ismail, kadar tuntutan harian sebanyak RM200 itu berdasarkan kepada pendapatan sehari yang akan diperoleh seorang nelayan yang menjalankan kerja-kerja menjarung udang.

Bagi Rahmat Faat, 50, pula, dia berpendapat ganti rugi harian itu bertepatan bagi menggantikan pendapatan nelayan hilang jika laluan mereka untuk turun ke laut terhalang kerana mereka tiada sumber lain.

Katanya, jika keadaan air 'baik', nelayan seperti mampu meraih lebih daripada RM200 jika keluar ke laut berhampiran sempadan Tanjung Piai selama lapan hingga sembilan jam sehari.

"Anak-anak kami juga bersekolah, walaupun kini belajar di rumah tetapi perlu mempunyai kelengkapan seperti telefon maupun komputer riba supaya mereka dapat mengikuti kelas dengan sempurna," katanya.